

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : JENTIK

BH/AMAD 16 FEBRUARI 2020

11

Jentik

Tabik wira tak didendang

M Thillinadan

Pengarang Eksekutif
Kandungan & Digital
thilly@bh.com.my



Ketika ruangan ini ditulis, lebih 67,000 kes jangkitan COVID-19 dilaporkan di seluruh dunia dengan jumlah korban akibat virus melebihi 1,500 nyawa dan terus meningkat setiap hari. COVID-19 adalah mimpi ngeri bukan sahaja untuk China, tetapi buat seluruh dunia.

Namun, di sebalik penularan dan korban COVID-19 adalah pengorbanan ratusan ribu kakitangan kesihatan di seluruh dunia, khususnya di China yang 'terperangkap' di fasiliti kesihatan masing-masing yang berusaha siang malam membantu pesakit dan membendung penyebaran jangkitan virus baharu ini.

Paparan video tangisan seorang anak dan ibu yang bertugas sebagai jururawat di sebuah hospital di Zhoukou, China yang 'memeluk angin' (air hug) kerana tidak dibenarkan berdekatan atau bersentuhan, meruntun jiwa. Anak kecil itu meluahkan perasaan rindu terhadap ibunya dengan tangisan air mata dan kata-kata, 'Ibu sedang melawan gergasi, akan pulang selepas menyalakannya' amat menyentuh hati.

Jururawat itu antara ratusan ribu kakitangan kesihatan di ba-



Tangisan anak dan ibu bertugas sebagai jururawat di sebuah hospital di Zhoukou, China yang 'memeluk angin' meruntun jiwa.

nyak negara yang sedang bertarung nyawa demi kemanusiaan, untuk menyelamatkan mereka dijangkiti. Laporan terkini menyebut lebih 500 kakitangan kesihatan, termasuk doktor, jururawat dan pekerja makmal di China dijangkiti COVID-19, malah berpuluh lagi terkorban.

Antara mereka ialah Dr Li Wenliang, 34, pakar mata yang dikatakan orang pertama mendedahkan kemunculan virus misterius mirip SARS di Wuhan dengan memuat naik menerusi media sosial sebagai peringatan kepada rakan-rakannya. Apa dikesali, beliau disiasat polis atas tuduhan menyebarkan berita palsu. Malangnya, Dr Li yang kini dilabel sebagai hero di China turut menjadi mangsa korban virus itu pada 7 Februari lalu selepas lebih sebulan membantu merawat mangsa.

Berita seorang lagi doktor, Dr Song Yingjie, 27, ketua paramedik di sebuah klinik di wilayah Hunan, meninggal dunia akibat serangan jantung disebabkan tidak cukup rehat kerana bertugas selama 10 hari tanpa henti bagi

mengatasi penularan coronavirus, turut mengundang kesedihan. Begitulah mulianya profesion kedokteran.

Di negara kita sendiri, walaupun hanya 21 kes jangkitan positif dikenal pasti setakat ini, dengan tujuh daripada mereka sudah pulih sepenuhnya, beratus-ratus kakitangan kesihatan kita bersengkang mata, berjauhan daripada keluarga, mengambil risiko melaksanakan tanggungjawab mereka, berkhidmat untuk rakyat dan negara.

Kita mungkin tidak dapat melihat atau tahu nama mereka yang bekerja di sebalik tabir, tetapi merekalah wira tidak didendang kerana usaha dan pengorbanan mereka membolehkan kita meneruskan hidup seperti biasa tanpa terlalu risau penularan COVID-19. Mereka kental berada di barisan hadapan sama ada di hospital atau pintu masuk negara dalam menghadapi dugaan maut ini.

Tabik juga kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan pasukan kesihatan beliau di seluruh negara yang berjaya mengawal keadaan penularan virus maut itu.

Ketelusan dan keterbukaan kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan memberi perkembangan mutakhir setiap hari amat membantu rakyat mendapat maklumat terkini mengenai jangkitan itu, selain merancang aktiviti harian.

Namun, apa menyedihkan kita, di sebalik pelbagai pengorbanan dan cerita sedih berkaitan COVID-19, ada sekumpulan kecil manusia menyebarkan pelbagai fitnah dan berita palsu untuk menakut-nakutkan orang ramai serta menimbulkan kegusaran awam tanpa memikirkan kesan kepada negara, juga kepada pekerja kesihatan di barisan hadapan.

Ada blog tidak bertanggungjawab mendakwa ratusan ribu sudah mati, manakala jutaan lagi dijangkiti. Malah, di negara kita ada yang mempolitikkannya. Suka percaya ada manusia sebegini yang sanggup memperlekehkan penderitaan dan kesengsaraan sesama manusia.

Mereka ini bukan setakat dangkal dan degil, juga boleh dikatakan tidak berperikemanusiaan. Saya setuju dengan tindakan pihak berkuasa mendakwa di mahkamah mereka yang terbabit supaya menjadi pengajaran kepada yang lain agar tidak menggunakan media sosial untuk keseronokan diri tanpa memikirkan nasib orang lain.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Penularan COVID-19

3 kes baharu babit warga China, AS dilaporkan di negara ini

Kuala Lumpur: Tiga lagi kes baharu coronavirus (COVID-19) dilaporkan di negara ini semalam, membabitkan dua warga China dan seorang wanita Amerika Syarikat (AS), menjadikan jumlah keseluruhan 22 kes setakat ini.

Dua warga China itu membabitkan ahli perniagaan lelaki berusia 27 tahun dan wanita berusia 32 tahun yang menetap di Malaysia, manakala wanita AS itu berusia 83 tahun yang juga penumpang kapal persiaran yang berlabuh di Kemboja pada Khamis lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes

ke-20 dikesan apabila lelaki berkenaan melalui saringan kesihatan di pintu masuk Malaysia di Bukit Kayu Hitam, kelmarin.

Katanya, sampel klinikal (throat swab) diambil untuk ujian pengesanan COVID-19 dan ahli perniagaan itu disahkan positif awal pagi semalam lalu dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

"Bagi kes ke-21, wanita yang menetap di Malaysia pernah pulang ke China melawat keluarganya pada 22 sehingga 30 Januari lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu pada satu program di Sungai Buloh, Dr Dzulkefly yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor mengagihkan losyen pembersih tangan kepada 95 sekolah di sekitar kawasan Parlimen berkenaan.

Sumbangan itu hasil kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Kuala Selangor dan Eliti Advanced Materials Sdn Bhd menerusi aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

Dalam kenyataan berasingan malam tadi, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes ke-22 membabitkan wanita berusia 83 tahun

AS.

"Beliau adalah seorang penumpang kapal persiaran yang berlabuh di Kemboja pada Khamis lalu. Semua penumpang dan anak kapal itu dibenarkan pulang ke negara masing-masing oleh Kerajaan Kemboja selepas memaklumkan saringan kesihatan dijalankan ke atas mereka.

"Seramai 145 penumpang kapal persiaran itu mengambil penerbangan ke Malaysia pada Jumaat. Darpada jumlah itu, wanita itu dan suaminya dikesan bergejala sebaik mereka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dirujuk

ke Hospital Sungai Buloh untuk pemeriksaan lanjut.

"Ujian saringan pengesanan COVID-19 yang dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) mendapati wanita itu positif pada Sabtu dan kini berada dalam keadaan stabil serta dirawat dalam wad isolasi hospital berkenaan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, ujian pengesanan COVID-19 terhadap suaminya yang berusia 85 tahun yang juga warga AS adalah negatif, namun masih menerima rawatan dan pemantauan di hospital sama bagi gejala yang dialaminya.

Suhu tinggi kurang risiko jangkitan

Kajian dapati virus tidak bertahan lama jika melebihi paras 30 darjah Celsius



Di Malaysia, cahaya matahari dan kawasan lapang suhunya memang lebih daripada 30 darjah Celcius, maka ini peluang kita mengurangkan penularan virus sekiranya COVID-19 berlaku.

Dr Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan

udara segar untuk mengurangkan risiko dijangkiti COVID-19.

Sementara itu, Dr Boon Chye berkata, tiada bukti menunjukkan individu yang pulih daripada jangkitan COVID-19 akan dijangkiti semula kerana lazimnya mereka akan mempunyai imuniti dalam tubuh untuk melawan penyakit berkaitan.

"Memang dikuatiri jangkitan semula boleh berlaku, tapi setakat ini tiada bukti ini akan berlaku. Selalunya, selepas jangkitan kali kedua sebab boleh dapat perindangan melalui imuniti kita.

"Di China, doktor menggunakan plasma darah pesakit yang telah pulih (daripada COVID-19) untuk merawat mereka yang sakit teruk, namun kita perlukan data untuk mengetahui ia berkesan atau sebaliknya.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya mengelak stigma terhadap mereka yang tiba dari China atau mempunyai kontak dengan kes disahkan positif COVID-19.

Katanya, kebimbangan terhadap perkara itu hanya akan mengganggu kehidupan seharian.

Katanya, Kementerian Kesihatan mengambil tindakan sewajarnya termasuk mengasingkan mereka yang tiba dari China selama dua minggu jika mempunyai simptom jangkitan dan risiko penularan COVID-19 amat rendah jika tiada simptom dikesan.

"Kita turut menyarang kontak kepada pesakit COVID-19 untuk memastikan mereka menjauhi sesiapa.

"Bila negatif, risiko mereka sebagai punca penyakit agak rendah, jadi jangan terlalu takut dan ada stigma terhadap mereka yang jadi kontak atau pulang dari China," katanya.

Oleh Balgis Jazimah Zahari bhnews@bh.com.my

Ipo: Suhu tinggi melebihi 30 darjah Celsius dipercayai berupaya mengurangkan risiko penularan coronavirus (COVID-19).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata ia berdasarkan kajian Ketua Pakar Sains Kesihatan Kementerian Kesihatan Singapura, Profesor Tan Chorh Chuan, yang mengatakan COVID-19 tidak bertahan lama jika melebihi paras suhu itu.


"Di Malaysia, cahaya matahari dan kawasan lapang suhunya memang lebih daripada 30 darjah Celcius, maka ini peluang kita mengurangkan penularan virus sekiranya COVID-19 berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program pengagihan sistem pengawasan ke sekolah dan organisasi kebajikan di sini, semalam.

Dr Boon Chye berkata, bagaimanapun saranan profesor berkenaan bagi mengurangkan penggunaan penghawa dingin dan lebih memakai kipas boleh dipertimbangkan.

"Ini cuma langkah jika ada penularan serius dalam komuniti, tetapi negara kita belum sampai ke tahap itu," katanya.

Katanya, langkah itu turut ber-



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL


14

Nasional

16 FEBRUARI 2020 BH AHAD

Penularan COVID-19

Usah berkira biayai R&D hasilkan vaksin



Soalan: Boleh Prof terangkan secara ringkas mengenai COVID-19?

Jawapan: Ia penyakit berkaitan jangkitan saluran pernafasan, sama juga seperti jangkitan saluran pernafasan influenza yang lebih dikenali sebagai flu. Jangkitan saluran pernafasan ini boleh disebabkan oleh pelbagai virus, ada lebih 100 jenis virus yang menjadi punca jangkitan, yang kerap adalah rhinovirus dan coronavirus. Biasanya, apabila ada selesema, batuk dan keluar cecair hidung sering dikatakan flu sedangkan flu ini disebabkan virus influenza.

COVID-19 dengan bahasa mudah adalah jangkitan salur pernafasan yang boleh bawa kematian jika tidak mendapat rawatan dan ia mudah menjangkiti. Sama seperti influenza yang boleh menyebabkan kematian, maka rawatan di hospital penting kerana hospital ada sistem mengesan dan mengesan jangkitan. Perlu difahami, jangkitan flu ini membabitkan jangkitan saluran pernafasan bahagian atas dan bawah. Jika jangkitan pada saluran pernafasan atas, kemungkinan selesema biasa. Jika jangkitan di saluran pernafasan bawah, boleh menyebabkan pneumonia seperti mereka yang terkena virus COVID-19 ini.

S: Kaedah lain perlu diambil Malaysia untuk hadapi penularan wabak berbahaya pada masa depan?

J: Setakat ini, Malaysia masih dalam fasa pertama wabak dan apa yang dilakukan adalah dengan mengekang kemasukan warga China dari Wilayah Hubei, termasuk Wuhan. Saya boleh katakan, kita berjaya. Fasa kedua hanya berlaku apabila ada penularan di dalam negara.

Setakat ini, tiada penularan kes COVID-19 di negara ini, walaupun ada 22 kes positif. Jika berlaku penularan dalam negara, Malaysia perlu ambil strategi untuk mengendalikannya. Situasi sekarang sama seperti ketika penularan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mana Malaysia tidak masuk fasa kedua kerana tiada penularan wabak.

Satu kelebihan Malaysia adalah cuaca dan suhu panas serta kelembapan tinggi menghalang virus hidup lama. Virus ini tidak boleh terdedah kepada matahari yang menyebabkannya cepat mati. Gaya

Usaha Malaysia mengawal penularan COVID-19 dilihat berkesan. Adakah ia kerana pengalaman menangani Sindrom Penafasan Akut Teruk (SARS) pada 2003 dan adakah pengalaman itu cukup untuk kita menghadapi ancaman wabak berbahaya lain pada masa depan.

Wartawan BH, Rohaniza Idris dan Zanariah Abd Mutalib mendapatkan pandangan Pakar Mikrobiologi Perubatan merangkap Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC), Prof Dr Sazaly Abu Bakar dan bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican.



Setakat ini, tiada penekanan dan peruntukan diberikan untuk pembangunan vaksin dan ubat antiviral. Saya ingin sarankan Kementerian Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Pendidikan memperuntukkan geran khas bagi R&D vaksin dan ubat antiviral, selain kajian penyakit berjangkit. Ketika ini ramai memandang sepi R&D penyakit berjangkit.

Sazaly Abu Bakar, Pakar Mikrobiologi Perubatan merangkap Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC)

hidup juga menyebabkan virus ini sukar merebak kerana dengan suhu panas, penduduk Malaysia tidak 100 peratus guna pendingin hawa, masih suka buka tingkap walaupun ada pendingin hawa.

Sistem pengaliran udara di negara ini sangat baik, berbeza dengan Singapura dan Hong Kong kerana dengan kepadatan tinggi, mereka sangat bergantung kepada penggunaan pendingin hawa dan suasana kedap. Saya percaya kerana faktor ini, penularan tidak berlaku di Malaysia. Di China, ketika ini cuaca sejuk selain isu kepadatan penduduk. Penduduk di China 'berkurung' dalam rumah

kerana cuaca dingin.

S: Ada juga dakwaan COVID-19 hanya jangkiti kelompok manusia tertentu?

J: Saya lihat sesetengah segmen masyarakat tidak mendapat mesej jelas mengenai COVID-19. Ada sesetengah kelompok percaya COVID-19 hanya membabitkan etnik atau kaum tertentu. Ini satu masalah besar kepada kerajaan jika ada penularan wabak. Rakyat kena faham virus ini tidak kenal bangsa, agama dan fahaman politik. Ini bukan penyakit untuk etnik tertentu.

Saya bimbang jika kerajaan tidak

mengawal salah faham ini, ramai leka dan jika ada penularan, akan merebak dengan cepat kerana mereka ambil sikap tidak endah. Contoh, ketika solat Jumaat, tinjauan di tiga masjid selama tiga minggu, saya dapati ada ramai menunjukkan gejala jangkitan saluran pernafasan, tetapi tidak memakai topeng muka.

Saya rasa masjid kena sediakan sabun di tempat wuduk untuk orang awam basuh tangan dengan sabun sebelum berwuduk. Agensi kerajaan berkaitan kesihatan dan organisasi keagamaan perlu ambil tanggungjawab ini bagi melindungi penularan jangkitan saluran

pernafasan. Mungkin jika di masjid, dipertimbang menempatkan mereka yang ada gejala di satu tempat lain, begitu juga penyediaan topeng muka dan sabun.

S: Perlukah kita hasilkan vaksin sendiri dan apa kesannya jika kita terpaksa bergantung kepada vaksin import?

J: Malaysia adalah negara di Asia Tenggara yang tidak ada pekilang mengeluarkan sebarang vaksin untuk manusia, tidak seperti Indonesia dan Thailand yang buat vaksin sendiri untuk dieksport ke serata dunia. Malaysia import 100 peratus vaksin. Justeru, kebergantungan kepada import berisiko kepada Malaysia, ada kemungkinan sukar dapat bekalan atau pada harga tinggi jika berlaku penularan wabak.

Contohnya, ketika berlaku Influenza A (H1N1), Malaysia sukar mendapatkan bekalan vaksin kerana negara pengeluar mengutamakan rakyat mereka. Setakat ini, Malaysia ada kemampuan menghasilkan vaksin untuk haiwan sahaja, iaitu coronavirus ayam.

Ada satu syarikat mengeluarkan vaksin coronavirus untuk ayam dan menjadi satu syarikat penghasilan vaksin itu untuk pasaran dunia. Sudah sampai masanya Malaysia beri penekanan kepada pembangunan vaksin untuk manusia.

Lihat sahaja apabila berlaku COVID-19, China dan Thailand ambil langkah proaktif hasilkan vaksin, begitu juga Amerika Syarikat dan Australia.

Malaysia sehingga kini tiada usaha ke arah itu. Nasib baik COVID-19 berlaku di China, mereka segera membangunkan vaksin dan ubat antiviral. Lagipun, China sedikit terkehadapan dalam teknologi berkaitan bidang ini. Malaysia bukan hanya tidak keluaran vaksin, ubat antiviral pun tidak dihasilkan kerana kita seronok bergantung kepada import.

S: Adakah pakar kita bersedia untuk hadapi penularan wabak berbahaya besar-besaran?

J: Kepakaran di universiti tempatan sama dengan pakar antarabangsa, namun kepakaran ini tidak digunakan sepenuhnya. Jika kita ada pakar yang dapat membangunkan vaksin untuk haiwan, sudah tentu kita ada pakar vaksin untuk manusia.

Masalah kini tiada peruntukan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

16 FEBRUARI 2020

15

Nasional

'Masyarakat kena laksana tanggungjawab, ikut nasihat Kementerian Kesihatan'



untuk pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk mana-mana pakar dalam bidang ini. Bagaimana pakar tempatan mahu membangunkan vaksin? Tiada agensi kerajaan atau mana-mana institusi pembiayaan R&D sanggup meabur. Jika ada pun, ditaja pihak luar.

Setakat ini, tiada penekanan dan peruntukan diberikan untuk pemangangan vaksin dan ubat antiviral. Saya ingin sarankan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Pendidikan memperuntukkan geran khas bagi R&D vaksin dan ubat antiviral, selain kajian penyakit berjangkit. Ketika ini ramai memandang sepi R&D penyakit berjangkit dan memberi tumpuan kepada penyakit seperti kanser, darah tinggi danencing manis.

Wujud persepsi salah menyatakan Malaysia tidak perlu kajian penyakit berjangkit walaupun hakikatnya, kesannya sangat besar kepada keselamatan kesihatan negara, begitu juga ekonomi. Malaysia rugi RM1 bilion akibat jangkitan virus Nipah. Saya sarankan kerajaan melalui agensi pembiayaan R&D melihat bidang tujahan baharu seperti bidang penyakit berjangkit ini.

S: Peranan boleh dimainkan TIDREC dalam membantu kerajaan menghadapi wabak baharu?

J: TIDREC membuat banyak kajian mengenai wabak sebelum COVID-19 lagi. Kini kami membuat kajian untuk risiko penyebaran Sindrom Pernafasan Virus Corona Timur Tengah (MERS-CoV) kerana ketika ini lebih 350,000 warga Malaysia melakukan umrah dan haji ke Arab Saudi.

Kami ada pakar terlatih dalam vaksin berkaitan coronavirus, maka boleh meneroka pembangunan vaksin untuk COVID-19. Kami juga melihat dan mengkaji penjejmaan penyakit baharu melalui kutu dan sengkenti yang dibawa oleh burung berhijrah akibat peningkatan suhu dan perubahan iklim. Sebagai negara tempat burung hijrah, Malaysia terdedah kepada penjejmaan penyakit baharu dibawa melalui kutu dan sengkenti. Kita dapatkan pembiayaan dari luar kerana pembiayaan tempatan tidak berminat.

S: Bagaimana Tan Sri melihat SARS berbanding COVID-19, apa nasihat Tan Sri kepada masyarakat?

J: COVID-19 sangat mudah berjangkit jika dibandingkan dengan SARS, namun COVID-19 mempunyai tahap kematian lebih tinggi. Dalam masa tidak sampai sebulan, kes COVID-19 sudah cecah 45,000 kes. Di China, jumlah mereka dijangkiti COVID-19 lebih 66,000 dengan lebih 1,000 kematian.

Di Malaysia, ia sudah mencecah 22 kes dan tiada kematian. Bagi SARS, kadar kematian ketika itu kira-kira 10 peratus daripada jumlah kes. Di Malaysia, kita hanya ada beberapa kes dan dua kematian. Saya melihat Kementerian Kesihatan bertungkus-lumus untuk melakukan yang terbaik untuk menangani penularan virus ini.

Dari segi teknikal dan SOP (prosedur operasi standard), ia amat baik dan kita juga sentiasa mengikut nasihat Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Dari segi komunikasi, ia mungkin boleh diperbaiki lagi, terutama dengan penalaran berita palsu di media sosial. Ia perlu ditangani dengan baik supaya rakyat tidak cemas.

Nasihat saya kepada masyarakat sangat ringkas, jalankan tanggungjawab anda. Sentiasa basuh tangan dengan air dan sabun atau pencuci tangan. Jangan sentuh muka, mata, hidung dan mulut. Itu adalah perlindungan yang pertama.

Jika anda balik dari negara terjejas akibat virus itu terutama China, ambil bacaan suhu badan setiap hari selama 14 hari. Jika rasa tidak sihat dan ada simptom seperti demam, batuk dan sukar bernafas, segera jumpa doktor. Jika di tempat awam, sentiasa berhati-hati. Bagi mereka yang tidak sihat, pakai topeng muka supaya anda tidak menjangkiti orang lain.

S: Boleh Tan Sri ceritakan pengalaman terbabit dalam usaha menangani SARS pada 2003?

J: Ketika SARS melanda negara, saya bertugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan. Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad memanggil Menteri Kesihatan ketika itu (Datuk Chua Jui Meng), memaklumkan bahawa SARS perlu ditangani dengan berkesan kerana beliau tidak gembira dengan cara kita mengendalikan virus Nipah sebelum itu.

Ketika virus Nipah melanda, keadaan agak kecoh dan semua orang bercakap mengenainya, seterusnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Ia menyoetuskan rasa panik dan tiada sesiapa yang mahu dengar makluman daripada Kementerian Kesihatan.

Semua orang ada strategi sendiri, jadi Perdana Menteri tidak gembira mengenainya. Beliau mahu hanya ada dua jurucakap memberi kenyataan mengenai SARS, iaitu menteri bercakap mengenai dasar dan Ketua Pengarah Kesihatan ketika itu (Tan Sri Dr Mohamad Taha Arif) bercakap mengenai perkara teknikal.

Menteri memberitahu, beliau memerlukan seorang lagi jurucakap, iaitu saya dan Perdana Menteri setuju. Bagaimanapun, di peringkat awal kita mengendalikan kes ini, Ketua Pengarah Kesihatan sakit, jadi saya ambil alih mengendalikan gerak kerja menangani SARS selama tiga bulan.

S: Apa gerak kerja Kementerian Kesihatan ketika itu?

J: Semua klinik kesihatan, hospital dan malamal kesihatan di seluruh Malaysia diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga memantau penularan wabak. Bilik operasi SARS peringkat kebangsaan dibentuk dan kita ada Pusat Kawalan Penyakit Berjangkit, yang mana kita petakan semua kes di seluruh dunia supaya kita sentiasa tahu kes baharu.

Kita keluarkan Garis Panduan Pemantauan, Soalan Yang Kerap Ditanya (FAQ), Kad Penanda Kesihatan, panduan untuk pelancong, panduan untuk doktor dan pengamal perubatan serta panduan penerbangan. Kita sentiasa bermesyuarat dengan penyedia perkhidmatan kesihatan, memberitahu doktor apa simptom yang memerlukan mereka hantar pesakit disyaki menghidap SARS ke hospital. Pendidikan mengenai perkara itu sangat penting.

S: Bagaimana SOP ketika itu untuk kenal pasti individu dijangkiti SARS. Adakah penerbangan atau sekatan penerbangan dari luar negara dikenakan?

J: Seperti dilaksanakan bagi COVID-19, kita juga menjalankan penegasan suhu badan di semua pintu masuk negara. Kita memberi lebih tumpuan kepada mereka dari China kerana kebanyakan kes adalah di negara itu.

Nasihat saya kepada masyarakat sangat ringkas, jalankan tanggungjawab anda. Sentiasa basuh tangan dengan air dan sabun atau pencuci tangan. Jangan sentuh muka, mata, hidung dan mulut. Itu adalah perlindungan yang pertama.

Dr Ismail Merican, bekas Ketua Pengarah Kesihatan

J: Bagaimana Tan Sri mengenali SARS dari aspek komunikasi dan beri maklumat kepada rakyat?

J: Ketika itu, saya mengadakan sidang media setiap hari dengan kehadiran kira-kira 20 hingga 30 wartawan tempatan dan luar negara. TV3 turut menyediakan slot khas untuk saya bercakap secara langsung setiap malam mengenai perkembangan wabak ini.

Kira-kira tiga juta menonton slot berkenaan. Pada saya, ia sesuatu yang bagus, yang mana kita di Kementerian Kesihatan ada kawalan dari segi penyebaran maklumat dan masyarakat juga mendapat maklumat sahih dari kita. Saya juga minta ahli politik tidak bercakap mengenai wabak ini kerana ia hanya akan hanya menimbulkan kekeliruan rakyat.

Ada beberapa ahli politik tidak puas hati, tapi saya tidak kisah kerana saya memberitahu maklumat yang benar dan saya sudah diberikan mandat. Politik dan kesihatan adalah dua perkara berbeza. Jadi, hanya ada seorang jurucakap dan sebab itu, ia berada dalam kawalan. Sebelum sidang media, saya akan pastikan semua maklumat mencukupi, disemak sekali lagi sehingga saya sendiri yakin mengenainya.

Saya tidak terima bulat-bulat apa yang dimaklumkan kerana jika ada maklumat salah, ia akan menimbulkan rasa tidak percaya dalam kalangan rakyat. Bagaimanapun ketika itu, tiada media sosial dan ia memberi sedikit kelebihan kepada kita. Jika ada fakta yang perlu diperiksa, orang awam akan memeriksanya dengan Kementerian Kesihatan. Mereka sangat yakin dengan Kementerian Kesihatan dan mengikut nasihat kita, jadi saya tidak lihat ada situasi cemas dalam kalangan rakyat.

S: Bagaimana kerjasama kita dengan negara lain dalam menangani SARS ketika itu?

J: Sangat baik. Saya memberikan penerangan mengenai perkembangan SARS kepada kedutaan asing di Malaysia. Ini bagi memberikan mereka jaminan bahawa Malaysia negara yang selamat dan rakyat negara mereka boleh datang ke Malaysia sama ada untuk melancong, pendidikan dan sebagainya.

Saya juga ke Singapura dengan beberapa pegawai untuk melihat sama ada langkah pencegahan kita dilaksanakan sama atau tidak dengan negara itu berikutan pergerakan masuk dan keluar kita ke negara itu adalah melalui jalan raya. Selepas tiga bulan, kita dapat mengawal wabak ini sepenuhnya. Kita menerima lawatan dari negara seperti Hong Kong, Jepun, China dan Indonesia untuk melihat bagaimana kita berjaya menangani penularan SARS.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19 DI CHINA

ANCAMAN COVID-19 DI CHINA

Tiga lagi kes positif Covid-19

Jumlah keseluruhan kes positif virus Covid-19 di Malaysia kini cecah 22 orang

KUALA SELANGOR

Tiga lagi kes positif virus koronavirus (Covid-19) disahkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes setakat ini meningkat kepada 22 kes. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad semalam mengesahkan dua kes melibatkan seorang lelaki dan wanita warga China. Beliau berkata, kes ke-20 ialah seorang ahli perniagaan lelaki berusia 27 tahun dari Guangzhou yang dikesan ketika

melalui saringan kesihatan di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) di Bukit Kayu Hitam, Kedah kelmarin. "Berikutan itu sampel klinikal atau throat swab diambil untuk tujuan pengesahan dan beliau dimasukkan di wad isolasi di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah. Pagi ini, sampel throat swab beliau disahkan positif Covid-19. "Bagi kes ke-21, seorang wanita berusia 32 tahun yang menetap di negara ini tetapi membuat lawatan ke China pada 22 hingga 30 Januari lepas. Beliau disahkan positif Covid-19 pagi ini (semalam)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Desa Aman Desa Coalfield di sini semalam. Pada majlis itu, Dr Dzulkef-

ly yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor menyerahkan kira-kira 5,000 botol cecair pencuci tangan sumbangan Elite Advanced Materials Sdn Bhd kepada 35 sekolah seluruh daerah itu. Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah malam tadi mengesahkan satu lagi kes membabitkan seorang wanita berusia 83 tahun yang merupakan warganegara Amerika Syarikat. "Ujian saringan-pengesanan Covid-19 telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) dan disahkan positif pada hari ini (semalam) "Makmal ini merupakan makmal pertama yang terlibat secara langsung dalam menjalankan ujian diagnostik bagi mengesan Covid-19 di Malaysia," katanya menerusi kenyataan di Facebook beliau.



Dr Dzulkefly (dua dari kiri) melancarkan simbolik penyerahan hand sanitizer kepada Guru Besar SK Desa Aman, Shahlidain Said (dua dari kanan) selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PIBG SK Desa Aman Kaili Ke-9 di Sungai Buloh semalam.

Suhu tinggi kurangkan penularan virus Covid-19

IPOH - Musim panas dengan suhu yang tinggi melebihi 30 darjah celsius dipercayai mampu mengurangkan risiko penularan wabak coronavirus (Covid-19), kata Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye. Beliau berkata, ia berdasarkan kajian Ketua Pakar Sains Kesihatan Kementerian Kesihatan Singapura, Profesor Tan Chorh Chuan yang mengatakan bahawa Covid-19 tidak bertahan lama sekiranya ia melebihi paras suhu itu. Menurutnya, penga-



Boon Chye (empat dari kanan) menyampaikan set unit sistem pengawasan kepada sekolah-sekolah terpilih di Ipoh semalam.

lahan berhadapan dengan sejuk. "Kita tahu virus boleh dibunuh pada suhu tinggi. Influenza, Covid-19 dan epidemik sebelum ini ter-

